

PENDEKATAN MEMBINA AYAT KESIMPULAN UNTUK RUMUSAN

PERHATIAN! PERHATIAN!

1. Formula-formula ini tidak boleh diguna pakai lagi:
 - (a) Kesimpulannya + Cadangan + Tema + Kesan [0m]
 - (b) Kesimpulannya + semua pihak + cadangan + kesan [0m]
 - (c) Kesimpulannya + cadangan + keterangan musabab/tujuan [0m]

Contoh daripada Modul Aktiviti Mesra Digital Sasbadi:

Tema: Pemakanan Seimbang

Kesimpulannya, pengambilan makanan yang seimbang merupakan strategi penting untuk kekal sihat sekali gus mencegah kita daripada menghidap pelbagai penyakit ketika usia meningkat. [0m]

2. Formula terkini yang diterima pakai berdasarkan penandaan kertas SPMU 2022: Kesimpulannya + tema + cadangan + agar/supaya + harapan/kesan (yang diharapkan)

Penanda wacana:	Kesimpulannya
Tema:	Pemakanan seimbang
Cadangan:	dijadikan amalan hidup
Kata hubung pancangan keterangan harapan:	agar / supaya
Harapan / Kesan:	kekal sihat dan bahagia

Ayat Kesimpulannya yang Mantap:

Kesimpulannya, pemakanan seimbang harus(lah)/patut(lah)/perlu(lah)/hendaklah dijadikan amalan hidup agar/supaya kekal sihat dan bahagia di dunia akhirat.

PRAKTIS EENSI SPM

1. **Tema: Patriotisme/Semangat Patriotik**

Kesimpulannya, _____ hendaklah **disemarakkan/dikentalkan** (oleh semua pihak) agar/supaya **kemakmuran tanah air terjamin**.

2. **Tema: Penularan/Penyebaran Berita Palsu**

Kesimpulannya, _____ hendaklah segera **ditangani/diatasi/dibendung/dicegah** (oleh semua pihak) agar/supaya **kesejahteraan masyarakat terjamin**.

3. **Tema: Jenayah Siber**

Kesimpulannya, _____ haruslah _____ agar/supaya **keselamatan pengguna Internet terjamin**.

4. **Tema: Pelancongan Domestik**

Kesimpulannya, _____ hendaklah _____ (oleh semua pihak) agar/supaya **dapat memangkinkan pemulihan industri pelancongan**.

5. **Tema: Pencemaran Bahasa**

Kesimpulannya, _____ perlulah _____

PENDEKATAN MEMBINA AYAT KESIMPULAN UNTUK RUMUSAN

agar/supaya dapat memartabatkan _____.

6. **Tema: Keusahawanan/Usahawan Muda**

Kesimpulannya, _____ hendaklah _____

agar/supaya dapat menyumbang kepada _____.

7. **Tema: Pertanian Pintar**

Kesimpulannya, _____ hendaklah _____

agar/supaya _____ bertambah mantap/maju.

8. **Tema: Pencemaran Plastik**

Kesimpulannya, _____ mestilah _____

agar/supaya _____.

9. **Tema: Teknologi Hijau**

10. **Tema: Keseimbangan Ekosistem Hutan**

11. **Tema: Warisan Budaya**

12. **Tema: Pendidikan Secara Maya**
